

SIRI CERITA NEGARA-NEGARA ASEAN

**ERTI
KEMERDEKAAN**
MALAYSIA

Rosnah Din



Sama Publications
Petaling Jaya

SAMA PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

No. A1-05, Tingkat 1, P.J. Industrial Park,

Jalan Kemajuan, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Tel No: 03-79574823 & 79574216 Fax No: 03-79577385

© Sama Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2001

Cetakan Pertama 2001

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh dipergunakan semula, atau dipindahkan sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran terlebih dahulu dari

Sama Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Dicetak oleh:

L.C Marketing

No.17, Jalan 5/B,

Kawasan Perindustrian Sungai Chua,

43000 Kajang, Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Rosnah M. D.

Erti kemerdekaan : Malaysia / Rosnah M. D.

(Siri cerita negara-negara ASEAN)

ISBN 967-938-856-5 (Set)

ISBN 967-938-857-3

I. Malaysia-History I. Judul. II. Siri.

959.5

M

1027261

*Perpustakaan Negara
Malaysia*

13 SEP 2001

111
959.5
KOS

PRAKATA

SIRI CERITA NEGARA-NEGARA ASEAN memaparkan kisah suka duka sejarah perjuangan pemimpin negara-negara ASEAN untuk mencapai kemerdekaan di negara masing-masing. Mereka terpaksa menempuh pelbagai dugaan dan cabaran untuk menjadikan negara mereka sebuah negara yang aman dan maju. Pengorbanan mereka sepatutnya dicontohi oleh generasi hari ini supaya mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Melalui siri ini kanak-kanak dan remaja didedahkan secara ringkas tentang kehidupan masyarakat negara-negara ASEAN untuk dijadikan teladan. Penulis telah merakamkan semula peristiwa yang berlaku dalam bentuk cerita kreatif. Watak-watak dalam cerita ini hanyalah rekaan semata-mata, tetapi tokoh-tokoh utama masih terikat dengan sejarah.

Diharap siri ini dapat memberi manfaat dan dorongan kepada pembaca supaya cintakan negara. Sebagai rakyat Malaysia, menyedarkan kita betapa bertuahnya hidup kita dalam sebuah negara yang serba mewah berbanding dengan negara lain. Kemewahan yang kita kecapi sekarang ini tidak dirasai, jika kita tidak menyaksikan sendiri penderitaan orang lain.

ERTI KEMERDEKAAN


PAK Mahat duduk berehat di bawah sebatang pokok rendang di halaman rumahnya sambil merenung jauh ke jalan raya. Kebetulan rumahnya berdekatan dengan jalan raya yang sentiasa sibuk berhampiran dengan pekan kecil Banting. Suasana persekitarannya agak sunyi kerana rumah-rumah di situ agak jauh antara satu sama lain. Wajahnya keruh apabila terkenal pada anak lelaki tunggalnya yang bekerja di Kuala Lumpur dan sudah pun berumah tangga serta menetap di sana.

Isteri Pak Mahat meninggal dunia dua tahun yang lalu akibat diserang penyakit jantung. Sejak itu dia tinggal sendirian di

rumah batu yang dibina hasil dari sumbangan kerajaan kerana mengengankan jasanya berkhidmat sebagai Askar Melayu pada masa pemerintahan Jepun iaitu pada tahun 1940-an.

Pak Mahat melalui kehidupan sendirian, tanpa bantuan sesiapa. Susah senang dan sakit peningnya hanya jiran tertangga yang datang membantu. Berkali-kali anak tungsalnya, Rahman mengajaknya tinggal di Kuala Lumpur. Dia tetap menolak. Dia terlalu sayangkan rumah yang banyak memberi kebahagiaan dan ketenangan dalam hidupnya selama ini. Di rumah itu tersimpan banyak kenangan manis bersama isterinya. Rahman pun dilahirkan dan dibesarkan di rumah itu juga. Bendangnya luas tetapi diusahakan oleh orang lain dan hasilnya dibahagi dua. Selain dari itu, dia berkebun sayur di belakang rumahnya bagi mengisi masa terluang. Dengan pendapatannya itu, lebih dari cukup untuk dirinya seorang. Selebihnya dia simpan di bank dan kadangkala dikirimnya kepada Rahman.

“Ayah tak payahlah kirim pada Man, gaji Man dah lebih dari cukup!” Itulah kata-kata



yang sering diucapkan oleh anaknya yang bekerja sebagai pegawai di sebuah bank.

Rahman, lulusan dari Universiti Malaya dalam jurusan Ekonomi dan Pentadbiran, seorang anak yang bijak. Sejak kecil lagi dia telah diasuh dengan didikan yang sempurna. Sungguhpun pada masa pemerintahan Jepun, Rahman baru berusia tiga tahun, banyak masalah yang terpaksa dilaluinya. Kehidupan mereka tidak teratur dan kadang-kadang terpaksa menanam ubi kayu sebagai makanan harian. Pada masa itu kebanyakan penduduk kampung tertumpu kepada penanaman ubi kayu kerana pengeluaran makanan disekat oleh tentera Jepun. Disebabkan kekurangan makanan berzat, pelbagai penyakit berbahaya menyerang. Akibatnya ramai yang tidak dapat diselamatkan. Bukan itu sahaja, Pak Mahat pernah menjadi buruh paksa Jepun selama enam bulan di sempadan Siam-Burma untuk menyiapkan laluan kereta api maut sepanjang 215 kilometer dengan hanya menggunakan cangkul dan pongkes. Kesengsaraan yang ditanggung bersama kawan-kawan yang senasib dengannya amatlah perit. Mereka

cuma diberi makan sekali sehari. Kadangkala makanan itu dicampur dengan daging babi. Mahu atau tidak dia dan kawan-kawan beragama Islam yang lain terpaksa makan juga. Kalau tidak makan, tubuh tidak bertenaga, bagaimana mereka hendak membanting tulang untuk menyiapkan projek Jepun itu?

“Tuk... saya ada bawa gulai ayam.”

Pak Mahat menoleh, melihat seorang gadis berusia lima belas tahun menatang semangkuk gulai ayam. Mangkuk itu diunjukkan kepadanya.

“Kamu ni terlalu baik hati. Dengan apalah tuk nak balas budi baik kamu sekeluarga,” jawab Pak Mahat sambil menyambut mangkuk gulai ayam dari Salmah.

“Tak payah balas budi saya sekeluarga, tuk, yang penting tuk sihat dan gembira,” kata Salmah.

Pak Mahat tersenyum, wajah lembut gadis itu ditenung dengan penuh kasih sayang. Dia sudah anggap Salmah seperti cucunya sendiri. Tanpa Salmah dan keluarganya tentu susah

juga dia hendak menjalani kehidupan ini. Keramahan dan perhatian yang diberikan oleh Salmah sekeluarga cukup membuatkan dia berasa dirinya dihargai walaupun mereka bukan dari kaum kerabatnya, hanya jiran terdekat sahaja. Benarlah kata orang, jika sanak saudara jauh dari mata, anggaplah jiran tetangga sebagai kaum keluarga.

“Lebih baik tuk makan sekarang, nanti gulai sejuk tak sedap,” kata Salmah sambil mencapai tongkat Pak Mahat yang terletak berhampiran dengannya.

“Tak payah Salmah, tuk belum lapar lagi. Kamu saja tolong letakkan gulai ini dalam almari lauk.”

Salmah pun mengambil mangkuk gulai dan menghilang ke dapur. Pak Mahat memegang kakinya yang kudung. Kecacatan yang dialaminya itu adalah perbuatan tentera Jepun yang sungguh kejam. Segala-galanya bermula apabila Jepun mendarat di Tanah Melayu setelah berjaya mengusir kuasa British. Memang sejak kejatuhan kerajaan Melayu Melaka, Tanah Melayu tidak pernah

sepi dari dijajah oleh kuasa asing. Kehadiran mereka mempunyai kepentingan sendiri kerana Tanah Melayu kaya dengan pelbagai sumber asli dan bahan mentah.

Dia masih ingat ketika itu hari masih pagi benar, dia dan Jusuh, kawan karibnya baru selesai bersembahyang subuh di tempat penginapan mereka. Sementara menunggu trak yang akan mengambil mereka bekerja ke kawasan pembinaan, mereka bersiar-siar di kawasan persekitaran. Tiba-tiba mereka terdengar suara orang menangis, mereka mencari arah suara itu.

“Awak tahu arah mana suara itu?” tanya Jusuh.

“Mungkin dari arah sana,” Pak Mahat meneka.

Kedua-dua mereka menuju ke arah suara itu. Mereka terkejut apabila mendapati seorang lelaki Melayu terbaring kesakitan. Darah keluar dari sebelah bahunya yang kena potong, tangannya jatuh terkulai di atas tanah berlumuran darah. Pak Mahat dan Jusuh begitu hiba melihat keadaan lelaki itu.

“Ini semua angkara perbuatan askar Jepun!” lelaki itu memberitahu sambil mengerang terus.

Tanpa banyak bicara Pak Mahat segera mencari pucuk daun muda untuk dibuat ubat bagi menahan darah daripada terus mengalir keluar. Oleh kerana Pak Mahat memang mengetahui serba sedikit kegunaan akar dan pucuk daun, tidak susah baginya mencari bahan itu di dalam hutan. Setelah memperolehnya, dedaun itu dilumatkan dan ditekapkan ke pangkal bahu yang parah itu. Darah berhenti mengalir, Pak Mahat dan Jusuh berasa lega. Mereka membawa lelaki itu ke tempat penginapan mereka. Oleh kerana membantu lelaki itu, mereka berdua lewat ke tempat menunggu trak. Dua orang askar Jepun begitu marah dan mereka berdua diseksa.

“Kamu tidak takut pada kami ya! Bukankah kami sudah ingatkan, jangan engkar pada perintah kami?” salah seorang askar Jepun menendang perut Jusuh.

“Apa ... kamu fikir saya ini bola, boleh tendang sana sini?” Jusuh marah. Dengan

pantas dia menumbuk salah seorang askar Jepun itu.

Ini menyebabkan askar Jepun marah, tubuh Jusuah dilambung dan disepak sesuka hati. Pak Mahat yang menyaksikan peristiwa itu berasa cukup tercabar. Tanpa disedari tangannya mencapai sepotong kayu lalu memukul kepala salah seorang daripada askar Jepun itu, menyebabkan askar Jepun itu pengsan. Seorang lagi askar Jepun terus menyerang dan sempat menghayunkan pedangnya ke arah Pak Mahat dan terkena sebelah kaki kanannya lalu putus. Kerana kejadian itulah sehingga sekarang kaki Pak Mahat kudung. Bukan Pak Mahat seorang sahaja yang menerima nasib malang itu, tetapi ramai lagi buruh paksa yang datang dari Indonesia, India dan Indo-Cina pun menerima nasib yang serupa. Yang paling menyedihkan, nyawa mereka bagaimana berada di hujung tanduk. Askar Jepun tidak teragak-agak melakukan kekejaman seperti memancung kepala atau menempeleng. Kepala manusia dijadikan boneka menghiasi sepanjang jalan dengan darah yang masih menitis. Biarpun begitu Pak Mahat bersyukur

kerana nyawanya masih selamat dan dapat kembali hidup bersama keluarganya.

“Apa yang tuk menungkan tu?” tanya Salmah sambil duduk di sisi Pak Mahat.

Pak Mahat tersentak dari lamunan. Wajahnya keruh seketika melihat Salmah yang tersenyum-senyum sendiri. Anak gadis itu tahu penderitaannya, malah dia pernah menceritakan pada Salmah bagaimana kakinya menjadi kudung. Dia juga pernah berkhidmat sebagai Askar Melayu dan menjadi penentang kuat bersama-sama dengan orang-orang Melayu lain ketika Kerajaan British hendak melaksanakan gagasan Malayan Union.

“Tuk... boleh tak tuk ceritakan serba sedikit mengenai gagasan Malayan Union?” pinta Salmah.

“Apa sebab Salmah nak tahu?” tanya Pak Mahat.

“Salmah kena tulis artikel mengenai gagasan Malayan Union. Tuk ceritalah, biar Salmah faham. Balik nanti bolehlah Salmah



siapkan artikel itu," Salmah memujuk dengan nada manja.

Hati Pak Mahat menjadi cair. Dia begitu kasihkan Salmah. Tanpa Salmah dia akan kesunyian, tiada tempat berbicara. Oleh kerana itulah dia bersedia melayan apa sahaja karenah gadis kecil molek itu.

"Sebenarnya dulu, tuk dan orang-orang Melayu menentang keras penubuhan Malayan Union ketika Kerajaan British mengisytiharkannya. Rancangan ini telah dibentangkan di Parlimen British pada Januari 1946," terang Pak Mahat memulakan ceritanya.

"Kenapa tuk dan orang-orang Melayu menentang pembentukan Malayan Union?" tanya Salmah lagi.

"Mestilah kita tentang kalau bercangah dengan maksud sebenar penubuhan itu," jawab Pak Mahat lagi.

Menurut Pak Mahat, penubuhan kesatuan itu bermaksud untuk mengubah kedudukan politik negeri-negeri Melayu dari negeri naungan British kepada negeri jajahan British.

Dalam rancangan tersebut, Pulau Pinang dan Melaka (kecuali Singapura) diletakkan di bawah pentadbiran seorang gabenor British. Raja-raja Melayu akan kekal dalam kedudukan mereka memerintah negeri dengan dibantu oleh sebuah Majlis Penasihat yang bertanggungjawab kepada gabenor. Mereka cuma diberi kuasa dalam hal ehwal agama Islam sahaja. Kerajaan Malayan Union berkuasa terhadap segala hasil negeri-negeri Melayu termasuklah tanah, kutipan zakat, fitrah dan cukai kecuali harta peribadi raja-raja.

“Kebetulan pada masa itu negeri Pulau Pinang dan Melaka tidak mempunyai sultan, kesatuan tersebut telah mencadangkan seorang Pesuruhjaya Residen diberi kuasa untuk mentadbir negeri ini. Selain dari itu undang-undang hanya akan diluluskan di bawah Kerajaan Malayan Union dan hanya sah jika ditandatangani oleh gabenor, bukan lagi raja-raja Melayu,” kata Pak Mahat lagi.

“Kalau macam tu, hilanglah kedaulatan raja-raja Melayu, tuk!” Salmah mengerutkan dahinya.

“Ha... sebab itulah tuk dan orang-orang Melayu marah. Kita tidak diberi hak dan kuasa untuk membuat sebarang keputusan,” tambah Pak Mahat lagi. “Bukan itu saja, Malayan Union juga memperkenalkan undang-undang kerakyatan yang baru. Sesiapa yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura atau bermastautin selama 10 tahun sehingga 15 tahun sebelum 15 Februari 1942 boleh mendapat taraf kerakyatan.”

“Hebatnya orang-orang British menindas bangsa kita,” Salmah termangu-mangu merenung daun-daun kering yang berselerakan ditiup angin. Fikirannya mula menerawang, jika dia berada di zaman muda Pak Mahat tentulah dia juga bersedia menentang segala perkara yang boleh menjatuhkan martabat bangsa Melayu terutamanya hak asasi raja-raja Melayu.

Pak Mahat meneruskan ceritanya. Untuk melaksanakan tugas-tugas itu Harold MacMichael telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan British bagi mendapatkan tandatangan dan persetujuan raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu pada amnya tiada yang ber-

setuju, tetapi mereka telah dipaksa dengan kekerasan sehingga mereka tidak berkesempatan untuk meminta pandangan daripada penasihat masing-masing. Kejayaan Harold MacMichael mendapatkan persetujuan raja-raja Melayu menggemibirakan pihak British. Dia diberi pujian kerana menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan.

“Selepas itu apa yang terjadi pada orang-orang Melayu, tuk?” tanya Salmah lagi.

“Tentulah orang-orang Melayu bangun menentang. Kali ini termasuk surat khabar. Seluruh akhbar Melayu bertindak membantah rancangan tersebut. Orang-orang Melayu disuruh bersatu menentang kesatuan itu,” jawab Pak Mahat lagi.

“Agak-agaknya masa itu tuk cukup terkenal kerana menjadi penyokong kuat menentang pembentukan kesatuan itu,” kata Salmah sambil tersenyum panjang. Kadang-kadang dia berasa bangga tinggal berjiran dengan orang yang banyak membantu perjuangan negara.



Pak Mahat tergelak besar mendengar pujian gadis sunti yang peramah itu.

“Bukan tuk yang popular, tuk bukannya sekolah tinggi. Manalah tahu cakap orang putih. Nak jadi orang penting negara mesti pandai cakap orang putih, supaya boleh berbincang dengan orang putih. Barulah masalah negara boleh selesai,” kata Pak Mahat lagi.

Kemudian Pak Mahat meneruskan ceritanya, “Tidak lama selepas itu muncullah seorang pemimpin Melayu yang memang popular mengetahui orang-orang Melayu untuk menentang Malayan Union. Beliau ialah Dato’ Onn bin Jaafar. Beliau mendapat pendidikan di Kolej Melayu, Kuala Kangsar Perak dan England. Pada 24 Januari 1946, beliau telah mencadangkan orang-orang Melayu mengadakan Kongres Se-Tanah Melayu untuk membantah rancangan itu. Orang-orang Melayu bersetuju dengan saranan Dato’ Onn bin Jaafar. Pada 1 April 1946 Kongres Se-Tanah Melayu kali ketiga telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Sebanyak 41 buah pertubuhan telah

menghantar wakil masing-masing untuk membincangkan hal tersebut. Hasil dari Kongres itu terlintiklah sebuah jawatankuasa seramai 5 orang untuk merangka perlembagaan bagi penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO.

“Jadi... dari situlah bermulanya UMNO, tuk?” tanya Salmah, kepalanya terangguk-angguk tanda memahami apa yang diterangkan oleh Pak Mahat.

“Ya... Salmah. UMNO lahir sebagai pertubuhan politik dalam Kongres yang diadakan di Johor Bahru pada 11 hingga 12 Mei 1946, Dato’ Onn telah dipilih sebagai Presidennya yang pertama.”

Perbualan mereka terhenti apabila Adilah, teman sekelas Salmah datang membawa segugus buah rambutan gading. Rambutan itu diberikannya kepada Pak Mahat.

“Ayah yang beri, dia kirim salam,” kata Adilah.

“Waalaiikum salam,” jawab Pak Mahat. “Ayah kamu sihat?” tanya Pak Mahat pula.

“Sihat, tuk,” jawab Adilah. Kemudian menjeling pada Salmah. “Ini tentu sedang dengar cerita tuk. Mesti cerita bagus ni, betul tak tuk?”

Pak Mahat tergelak, menampakkan giginya yang rongak dan kehitaman, banyak yang dimakan ulat. Walaupun usianya sudah lanjut, menjangkau tujuh puluhan tapi dia kelihatan masih cergas dan kuat. Petuanya cukup senang, suka minum air akar kayu dan bersenam. Sungguhpun kakinya kudung, dia dapat melakukan semua kerja-kerjanya dengan mudah. Di persekitaran rumahnya kelihatan terang dan bersih.

“Sambunglah cerita tadi, tuk, saya nak dengar juga,” kata Adilah pula.

“Kamu ni mengganggu ajalah. Orang tengah asyik dengar cerita,” Salmah mencebik, marah.

“Jangan gaduh, dua-dua boleh dengar,” Pak Mahat menyampuk.

“Bagaimana dengan Kerajaan British yang gagal melaksanakan rancangan mereka tadi, tuk?” tanya Salmah yang ingin terus

mengetahui kisah itu selanjutnya.

“Mereka tidak kecewa, mereka tetap ingin meneruskan rancangan mereka,” jawab Pak Mahat.

Pada 1 April 1946 orang-orang Melayu mengadakan tunjuk perasaan, membantah perasmian penubuhan Malayan Union pada tarikh tersebut. Raja-raja Melayu turut memulau upacara perasmian penubuhannya. Kerajaan British mula resah kerana rancangan mereka sukar dilaksanakan dan mendapat tentangan hebat dari orang-orang Melayu. Oleh itu pada pertengahan tahun 1946 Kerajaan British mengadakan rundingan dengan raja-raja Melayu melalui wakil masing-masing. Di situ British sangat tertarik kepada Dato' Onn kerana berpengaruh dan tegas dalam politik.

“Adakah mereka pujuk Dato' Onn menjayakan rancangan mereka, tuk?” tanya Salmah.

“Ya! Tapi Dato' Onn bukanlah orang yang mudah dipujuk. Seperti yang tuk katakan tadi, beliau tetap menentang keras perasmian

Malayan Union,” jawab Pak Mahat lagi.

“Macam mana pula dengan orang-orang Melayu, tuk? Adakah mereka bertindak sendiri untuk mengusir orang-orang British?” tanya Adilah pula.

“Orang British ni cerdik anak-anak,” jawab Pak Mahat. “Mereka tahu orang Melayu marah ketika itu, jadi mereka pun buat baik dengan pemimpin-pemimpin Melayu yang berpengaruh, dengan cara memberi kerjasama dalam segala perkara. Harapan mereka orang Melayu tidak lagi marah pada mereka,” terang Pak Mahat.

Pada waktu itu azan Maghrib dari surau berdekatan berkumandang menandakan telah masuk waktu solat. Pak Mahat mencapai tongkat turun dari pangkin tempat dia duduk.

“Kamu berdua balik dulu, solat Maghrib. Lain kali kita cerita lagi,” kata Pak Mahat dan terus masuk ke rumahnya. Adilah dan Salmah meninggalkan rumah Pak Mahat, pulang ke rumah masing-masing.

Selesai solat, Pak Mahat ke dapur menyiapkan makan malam. Nasi panas

berlaukkan gulai ayam pemberian Salmah cukup menyelerakan. Selepas makan, Pak Mahat duduk di beranda menghirup udara segar sambil memandang persekitaran rumahnya yang diterangi cahaya lampu elektrik. Sesekali ingatannya tertumpu kepada arwah isterinya, Zarina. Wanita itu terlalu banyak budinya. Kasih sayang Pak Mahat tidak pernah luntur walaupun isterinya itu telah lama meninggal dunia. Saat yang paling indah yang kekal dalam ingatannya, ialah pada 31 Ogos 1957, tepat jam 12.00 tengah malam ketika mereka sama-sama menyambut kemerdekaan di Padang Kelab Selangor, di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

“MER.. DE.. KA! MER.. DE.. KA! MER.. DE..KA!”

Mereka melaungkan perkataan itu bersama-sama dengan orang ramai yang terdiri daripada pelbagai kaum. Pada tarikh itu, Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya dan menjadi sebuah negara berdaulat. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi Perdana Menteri yang pertama. Kemerdekaan itu membawa erti kebebasan negara dari kuasa

penjajah. Ketika itu ramai yang mengalir air mata gembira dan berpelukan sesama sendiri. Derita yang ditanggung selama bertahun-tahun telah berlalu. Kini mereka akan hidup dalam sebuah negara yang aman.

Padang yang luas terbentang itu kelihatan sesak dengan masyarakat pelbagai kaum. Melayu, Cina, India dan suku kaum lain turut sama. Suasana kemeriahannya cukup hebat. Biar pun pada masa itu keadaan padang tidak teratur dan banyak kekurangan, tapi mereka cukup gembira. Apa yang penting, perjuangan mereka selama ini membuahkan hasil.

“Kesengsaraan kita kini berakhir, bang,” kata Zarina melonjak gembira dan mengangakat tangannya sambil menyebut perkataan **MERDEKA** beberapa kali.

Orang ramai yang masih berpusu-pusu di Padang Kelab Selangor memandang ke arahnya sambil tersenyum lebar.

“Cik kak, dah tamat dah. Tahun depan boleh laungkan lagi slogan tu,” kata seorang pemuda Melayu yang berdiri berhampiran dengannya.

“Belum tamat! Kita menderita bertahun-tahun, satu hari tak cukup nak raikan hari kemerdekaan,” jawab Zarina mesra. Dia tidak berkecil hati dengan sikap pemuda itu, yang penting semangatnya tidak pudar.

“Betul kata kakak tu, “ sampuk seorang pemuda lain. “Negara kita sudah bertahun-tahun dijajah oleh bangsa asing. Dalam masa itu ada di antara ahli keluarga kita menjadi mangsa kekejaman mereka.”

“Dah banyak air mata saya tumpah,” Zarina mengigit bibir menahan air matanya dari terus mengalir. “Kamu tengok tu!” Zarina menundungkan jarinya ke arah Pak Mahat.

Orang-orang yang berada di situ menumpukan perhatian kepada Pak Mahat. Mereka melihat ke arah Pak Mahat yang berdiri dengan tongkatnya.

“Suami kakak kudung angkara askar Jepun keparat. Merekalah yang mencacatkan kaki suami kakak.” Air mata Zarina menitis ke pipi. “Tapi... tak apa, kakak bersyukur kepada Allah s.w.t kerana suami kakak masih hidup,

serta masih boleh bekerja keras untuk menyara keluarga,” sambungnya sebak.

Pak Mahat yang menyedari semangat isterinya yang semakin berkobar-kobar segera menariknya keluar dari situ. Dia bimbang orang-orang yang melihat perangai isterinya akan salah anggap, manalah tahu ada yang kata isterinya tidak siuman. Kalau didengarnya yang bukan-bukan, tak pasal-pasal cari gaduh. Oleh itu dia mengambil keputusan malam itu juga balik ke kampung Dengkil.

“Kenapa awal sangat balik, bang?” tanya Zarina.

“Cukuplah. Buat apa lama-lama, anak kita di rumah jiran tu nanti menangis,” pujuk Pak Mahat.

Zarina termuncung, marah. Dia bagaikan kecewa dengan sikap suaminya. Itulah pertama kali mereka menyambut kemerdekaan, apalah salahnya lama sedikit. Air matanya mula tergenang, mengingati kesengsaraan yang terpaksa ditanggungnya ketika suaminya meninggalkannya selama

enam bulan kerana menjadi buruh paksa askar Jepun. Rahman ketika itu masih kecil. Beras simpanan telah habis dan dia terpaksa meminta bantuan dari rumah ke rumah.

“Kami pun tak cukup makan Zarina, cuma ini saja yang dapat kami berikan,” kata Bedah, jiran sekampungnya.

“Inipun dah kira cukup,” jawab Zarina sambil memegang cawan berisi segeggam beras yang baru diberikan oleh Bedah.

“Zarina... jangan berani sangat keluar rumah, nanti temampak askar Jepun, susah jadinya,” nasihat Bedah.

“Saya nak buat macam mana, Bedah? Anak lapar, tak kan nak biarkan dia kebulur,” jawab Zarina sebak dan terus meninggalkan rumah Bedah.

Di rumah, Zarina memasak sedikit dari beras itu, dibuat bubur untuk Rahman. Dia makan ubi kayu pun tak apa, asal anaknya dapat makan bubur nasi setiap hari. Dia tidak sampai hati memberi Rahman makan ubi kayu. Air susunya tidak banyak. Kerana kekurangan makanan berzat dia terpaksa

berusaha mencari sedikit beras untuk dijadikan bubur. Selesai memberi Rahman makan, Zarina memeriksa pintu dan tingkap supaya sentiasa berkunci. Ketika itu dia terdengar suara perempuan menjerit meminta tolong.

“To... long! To... long! Lepaskan aku! Lepaskan!”

Zarina mengintai dari celah lubang dinding rumahnya, dia dapat melihat dengan jelas Ramlah, gadis sunti di kampung itu diseret oleh beberapa orang askar Jepun. Sementara ibu Ramlah mengekorinya dari belakang sambil memaki seranah askar Jepun supaya melepaskan anaknya.

“Lepaskan anak aku, binatang! Lepaskan anak aku!” jerit ibu Ramlah sambil menghempas-hempas tubuhnya ke tanah. Tangisannya semakin kuat. “Kalau jadi sesuatu pada anak aku, aku potong kepala kamu semua!”

Askar-askar Jepun itu ketawa besar. Mereka bercakap sesama mereka dengan bahasa mereka. Zarina yang menyaksikan kejadian

itu menggartap bibir, kalau tidak difikirkan tentang Rahman, dia sanggup berjuang untuk membantu Ramlah. Dia rela darahnya mengalir demi menjaga kehormatan orang lain. Selain Ramlah, ramai lagi anak dara, janda dan isteri orang menjadi mangsa askar Jepun. Sebab itulah kalau tidak mustahak, dia tidak akan keluar rumah. Kebanyakan rumah penduduk di situ sentiasa tertutup. Kampung itu menjadi sunyi sepi seperti tiada penghuni.

“Zarina marah abang?” tanya Pak Mahat, tiba-tiba.

Zarina terkejut, mengalihkan pandangannya kepada Pak Mahat.

“Tidak! Cuma terkenang kesengsaraan yang pernah kita lalui.”

“Yang lepas usah dikenang, sekarang kita mulakan hidup yang baru,” kata Pak Mahat dengan penuh harapan.

Sejak itu Pak Mahat dan isterinya mengusahakan bendang peninggalan orang tuanya, di samping berkebun sayur. Usaha mereka berjaya. Setiap tahun hasil mereka



menjadi. Mereka dapat menjalani kehidupan dengan sempurna dan bahagia.

“Segala-galanya telah berakhir kini, semoga rohmu dicucuri rahmat Zarina,” Pak Mahat mengeluh panjang sambil mengesat air matanya yang meleleh.

Pagi itu seperti biasa Pak Mahat ke kebun sayurnya di belakang rumah. Dia menanam pelbagai jenis sayur-sayuran. Ada juga penduduk kampung yang datang ke rumahnya membeli sayur-sayurannya dengan harga yang murah. Jika dibawa ke pasar, barulah dia menjualnya mengikut harga pasaran. Ketika sedang memetik timun, dia terkejut apabila seorang lelaki yang hampir sebaya dengannya menghampiri. Pak Mahat benar-benar tidak mengenalinya. Sangkanya lelaki itu datang untuk membeli sayur-sayur di kebunnya.

“Awak ni Mahat, ya?” tanya lelaki itu.

Pak Mahat mengangguk-angguk sambil merenung wajah lelaki itu dengan hairan.

“Awak siapa? Nak beli sayurkah?” tanya Pak Mahat pula.

“Awak tak kenal sayakah?” tanya lelaki itu lagi.

Pak Mahat mengerutkan dahinya, cuba mengingati lelaki di hadapannya. Setelah diamati dengan teliti, barulah dia teringat. Itulah sahabat lamanya, Jusuh semasa sama-sama menjadi buruh paksa askar Jepun dulu.

“Masya Allah, Jusuh! Lama benar kita tak jumpa!” Pak Mahat segera memeluk Jusuh dengan erat. “Mana awak tahu saya tinggal di kampung ini?” tanya Pak Mahat pula.

“Dulu... awak pernah beritahu saya yang awak tinggal di kampung Dengkil. Saya cari dan tanyalah orang kampung. Merekalah yang beritahu saya awak tinggal di sini,” cerita Jusuh.

Pak Mahat mengajak Jusuh masuk ke rumahnya. Mereka makan tengah hari bersama dengan masak lemak ikan talam kering dan kacang panjang goreng. Selepas itu mereka duduk berbual-bual di halaman rumah sambil menceritakan kisah masing-masing. Macam-macam yang mereka buatkan daripada cerita kisah keluarga hinggalah

kepada kisah silam yang masih segar dalam ingatan mereka.

“Awak ingat lagi pada Awang yang sama-sama dengan kita dulu?” tanya Jusuh.

“Awang mana?” Dahi Pak Mahat berkerut cuba mengingati Awang yang dimaksudkan oleh Jusuh itu.

“Awang Setin, ala... yang abangnya kena pancung dek askar Jepun dulu.”

Pak Mahat termangu-mangu, mula membayangkan wajah Awang, anak muda yang ketika itu berusia belasan tahun. Peristiwa hitam itu menjadi kenangan paling pahit dalam sejarah hidupnya, bila abang kandung Awang dipancung kepalanya oleh askar Jepun depan khalayak ramai. Masa itu dia dan Jusuh terpaksa menyebarkan Awang yang bagaikan diserang histeria.

“Mereka bunuh abang saya! Mereka bunuh abang saya!” pekik Awang dengan kuat menyebabkan dia ditempeleng beberapa kali oleh salah seorang askar Jepun hingga pengan.

Pak Mahat dan Jusuh telah bertungkus-lumus memulihkan Awang sehingga dia sedar semula dari pengsansannya. Mereka turut menasihati Awang agar banyak bersabar dan berdoa kepada Allah s.w.t. Selepas kejadian itu mereka bertiga sudah seperti adik-beradik kembar yang sentiasa sahaja bersama, walaupun berada di tapak pembinaan.

“Panas betul hari ini,” Awang mendongak, cahaya matahari menyilaukan pandangannya. “Tekak dahaga pula. Mari kita cari air minum.”

“Sekarang bukan masa rehat lagi, Awang. Nanti nampak dek singa jahanam tu, nahas kita,” Pak Mahat pula mencelah.

“Bukannya lama.., sekejap aje,” jawab Awang. “Depan sana tu ada sungai, dah dua kali saya dengan arwah abang ke sana,” Awang mendesak kerana terlalu dahaga.

“Kamu pergilah temankan dia, Jusuh. Biar saya jaga di sini. Kalau mereka datang nanti pandai-pandaiilah saya jawab,” kata Pak Mahat pula.

Pada mulanya Jusuh tidak mahu meninggalkan Pak Mahat sendirian kerana sebelah kaki Pak Mahat yang dipotong oleh askar Jepun itu baru saja baik. Dia bimbang keselamatan Pak Mahat, tapi Pak Mahat mendesak dia menemani juga Awang. Akhirnya Jusuh dan Awang pergi juga ke sungai. Ketiadaan mereka berdua, Pak Mahat meneruskan kerjanya mencangkul batu-batu itu sambil bertahan pada sebatang kayu keras sebagai tongkat.

“Mana kawan-kawan awak?” sergah seorang askar Jepun apabila dilihatnya dua batang cangkul tanpa tuan.

“Mereka pergi buang air besar, tuan,” jawab Pak Mahat dengan berani. Walaupun dalam hatinya bimbang askar Jepun itu bertindak kasar terhadapnya. Dalam keadaan cacat begitu tentu dia tidak berdaya melawan. Askar Jepun itu marah, ditendangnya Pak Mahat hingga terpelanting. Pak Mahat menahan marah, dia tidak mahu menerima padah yang lebih teruk. Cukuplah kecacatan sebelah kakinya. Itupun memakan masa lama untuk pulih. Kalau tidak kerana paksaan askar



Jepun, dia tidak mampu lagi melakukan kerja-kerja berat, apalagi mencangkul tanah yang keras dan berbatu.

Tidak lama kemudian, Awang dan Jusuh sampai. Mereka terkejut melihat Pak Mahat terjelepek ke tanah sambil mengerang kesakitan. Awang tidak dapat menahan sabar, dia menendang tubuh askar Jepun itu dari arah belakang. Askar Jepun itu tertonggeng ke tanah.

“Awak berani lawan orang yang tak berdaya, ini Awanglah. Awang Setin!” Awang mendabik dada.

“O... berani awak lawan sama Jepun. Awak mahu mati macam abang awak dulu, ya!” askar Jepun itu menghunuskan pedangnya.

Melihat keadaan askar Jepun yang terlalu marah itu, Pak Mahat dan Jusuh menjadi cemas. Mereka cepat-cepat melutut di kaki askar Jepun sambil merayu-rayu.

“Tolong maafkan dia, tuan. Jangan bunuh dia!” kata Pak Mahat.

“Sebenarnya dia tidak bermiat nak lawan tu. Dia terlalu sayangkan kawannya tu,” tambah Jusuh pula.

Askar Jepun itu tidak jadi meneruskan niatnya membunuh Awang, dia menyারণkan kembali pedangnya. Barulah Pak Mahat dan Jusuh berasa lega. Masing-masing bersyukur kerana Awang selamat.

“Sekarang cepat buat kerja!” tegas askar Jepun itu dengan keras.

Setelah askar Jepun itu beredar, Pak Mahat dan Jusuh memeluk Awang erat-erat. Mereka menangis bersama.

“Lain kali jangan buat lagi Awang Setin!” kata Pak Mahat lembut.

Lamunan Pak Mahat terhenti apabila bahunya ditepuk beberapa kali oleh Jusuh. Dia terpinga-pinga memandang Jusuh, seperti orang yang baru sedar dari mimpi. Wajah sahabatnya itu ditening lama-lama.

“Ingat lagi tak pada Awang Setin?” Jusuh mengulangi pertanyaannya apabila melihat Pak Mahat termangu-mangu.

“Ya! Di mana dia sekarang?” tanya Pak Mahat.

“Sekarang dia berada di Hospital Besar Kelang. Menurut doktor dia menghidap kencing manis dan darah tinggi. Saya baru melawatnya,” terang Jusuh. Kemudian menambah. “Kedatangan saya ini pun, untuk menunaikan hasratnya yang ingin sangat nak berjumpa dengan kamu.”

Pak Mahat terdiam, berfikir seketika. Sedangkan Jusuh sanggup datang mencarinya semata-mata hendak menunaikan hasrat orang, apa salahnya dia datang. Lagipun dia tidak sampai hati menolak harapan Awang yang suatu ketika dulu dianggap sebagai kawan setelah kematian abang kandungnya.”

“Baiklah Jusuh, tapi... dengan syarat awak mesti bermalam di rumah saya.”

“Baiklah Mahat, saya akan tunaikan permintaan awak tu. Sesekali berjumpa, apa salahnya,” jawab Jusuh sambil tersenyum lebar.

Pada petang itu Pak Mahat dan Jusuh menaiki teksi pergi ke Hospital Besar Kelang.

Ketika sampai di sana, mereka disambut oleh keluarga Awang penuh terharu. Pak Mahat begitu sedih melihat keadaan Awang. Tubuhnya kurus dan mukanya cengkung bagaikan mayat hidup. Dia memeluk Awang sambil menangis, Awang juga menangis.

“Terima kasihlah kerana sudi berjumpa dengan saya,” kata Awang sayu. Gembira benar hatinya dapat bertemu Pak Mahat. “Awak apa khabar?” tanya Awang pula.

“Saya sihat, cuma kadang-kadang sakit dada. Dah tua ni ada sajalah penyakit datang,” terang Pak Mahat. “Dah lamakah awak dapat sakit ini?” tanya Pak Mahat pula.

“Hampir dua tahun. Dalam masa itu saya jarang berpantang makan,” kata Awang lagi. “Siapa sanggup kalau banyak benda yang tak boleh di makan. Tak ada selera langsung,” tambahna lagi.

Selepas itu Pak Mahat berbual pula dengan isteri Awang. Menurutna, doktor menyarankan sebelah kaki Awang dipotong untuk mengelakkan kencing manis merebak ke bahagian tubuhnya yang lain, tetapi Awang

menolak. Walaupun dia dan keluarganya yang lain memujuk supaya Awang bersetuju. Tapi Awang lebih rela mati daripada membuang salah satu anggota tubuhnya.

“Kalau boleh, awak nasihatlah suami saya,” kata isteri Awang. “Mana tahu dia akan ikut cakap awak”.

“Saya cuma boleh nasihat saja, selebihnya bergantung pada dia,” jawab Pak Mahat sambil memandang ke arah Awang yang terbaring lemah di atas katil.

Pak Mahat mendekati Awang dan duduk di sebelahnya. Wajah Awang ditunungnya lama-lama. Banyak garis-garis kasar kelihatan timbul dengan rambutnya yang dipenuhi uban.

“Kenapa awak pandang saya begitu, Mahat?” tanya Awang, hairan.

“Saya ada perkara penting nak berbincang dengan awak. Itupun jika awak mahu ikut pandangan saya,” kata Pak Mahat.

“Cakaplah! Apa saja, saya boleh terima. Awak dan Jusuh sahabat saya dunia akhirat.”



Pak Mahat dan Jusuh tersenyum, begitu luhur kata-kata yang keluar dari mulut Awang. Terutamanya Jusuh yang telah menganggap Awang sebagai saudara kandung. Selepas mereka dihantar pulang ke kampung masing-masing oleh pihak Jepun, Jusuh dan Awang terus berhubung rapat. Mereka selalu membawa keluarga masing-masing menziarahi antara satu sama lain. Kecuali dengan Pak Mahat yang terpisah terus sehinggalah Awang jatuh sakit dan meminta Jusuh mencari Pak Mahat.

“Awang... nyawa kita lebih berharga daripada anggota tubuh badan. Untuk menyelamatkan nyawa awak, lebih baik ikut saja nasihat doktor,” beritahu Pak Mahat lembut.

Awang terdiam, merenung lantai. Dia berfikir-fikir untuk mencari jawapan yang tepat supaya tidak mengecilkan perasaan Pak Mahat.

“Saya bimbang, jika sebelah kaki ini dipotong pun, saya tak selamat juga,” kata Awang, akhirnya.

Pak Mahat tersenyum. Begitu sempit pemikiran Awang, fikirnya. Zaman sekarang adalah zaman internet, manusia telah mengecapi tahap kehidupan yang maju. Segala-galanya serba canggih dengan kemajuan sains dan teknologi moden. Cara perubatan dan peralatan juga jauh berbeza daripada dahulu. Manusia tidak perlu takut dan bimbang lagi dengan sebarang risiko jika menjalani pembedahan. Ini kerana hanya doktor pakar sahaja yang akan melakukan tugas-tugas tersebut. Selainnya terserah sahaja kepada Tuhan.

“Awak mesti yakin yang awak akan selamat,” Jusuh pula menyampuk. Dia pun banyak memberi nasihat dan semangat kepada Awang.

Awang diam berfikir, wajah Pak Mahat ditunungnya lama-lama. Kalau tidak kerana Pak Mahat yang menyelamatkannya dulu, dia sudah tidak ada lagi di dunia ini. Mengikut jejak abangnya yang dibunuh oleh askar Jepun. Memandangkan betapa besar pengorbanan Pak Mahat dan Jusuh terhadapnya, akhirnya dia membuat

keputusan mengejutkan keluarganya.

“Baiklah Mahat, saya ikut nasihat awak,” kata Awang perlahan.

Pak Mahat dan Jusuh begitu gembira. Begitu juga dengan keluarga Awang, mereka mengucapkan terima kasih kepada Pak Mahat. Setelah waktu melawat tamat, Pak Mahat dan Jusuh meninggalkan hospital menuju ke perhentian bas. Sementara menunggu bas sampai, mereka duduk di bangku melepaskan penat kerana perjalanan dari hospital ke perhentian agak jauh. Lebih-lebih lagi dengan keadaan fizikal Pak Mahat itu. Sambil itu matanya tertumpu ke arah bangunan-bangunan mencakar langit yang berdiri megah berdekatan dengan tempat itu. Dia terpegun seketika.

“Dah lama benar saya tidak ke bandar, dah banyak berubah bandar Kelang ini,” kata Pak Mahat. “Dulu... pembangunannya tidaklah sebegini banyak.”

Jusuh ketawa menyebabkan orang-orang yang berada di perhentian bas itu tercengang. Tapi mereka tidak pula bertanya

atau mengambil tahu apa yang menggelikan hati kedua orang tua itu.

“Agaknya selepas negara kita merdeka, awak memerap saja di kampung, langsung tak keluar ke bandar. Padahal kampung Dengkil, Banting dengan bandar Kelang bukannya jauh sangat,” kata Jusuh yang menetap di Meru, Kelang.

“Memanglah tak jauh tapi saya selalu ke pekan Banting saja. Maklumlah sejak kaki kudung pergerakan saya terbatas. Bukannya senang naik bas ke sana sini dalam keadaan begini,” jawab Pak Mahat.

“Kenapa tak pakai kereta. Awak bukannya orang susah,” sampuk Jusuh. “Ada kereta senang hendak ke sana sini. Lainlah saya, tak berkemampuan. Hidup pun menumpang anak menantu.”

“Dalam keadaan macam ini, saya tak berani memandu. Silap-silap haribulan kemalangan. Lagipun saya berniat nak pergi umrah bila dah cukup duit,” kata Pak Mahat lagi.

Jusuh terkedu. Dia terlupa yang Pak Mahat kudung sebelah kaki. Mana boleh memandu kereta. Dia segera meminta maaf kepada Pak Mahat. “Tak apalah, saya tak ambil hatipun,” jawab Pak Mahat sambil tersengih.

Dari situ Pak Mahat dapat melihat banyak kawasan perumahan mewah dan deretan kedai yang baru didirikan. Sebelum bandar Kelang pesat membangun, hanya ada beberapa buah sahaja bangunan lama dan baru. Sungguhpun begitu penduduknya kini sudah bertambah ramai. Sungai Kelang sekarang kelihatan kotor dan tidak terurus. Tidak seperti dahulu di mana air sungainya jernih dan terdapat banyak ikan. Sekarang segala-galanya telah berubah. Jalan raya yang bersimpang-siur tidak lagi sesak dengan kenderaan. Ini kerana adanya laluan komuter dan LRT (Sistem Transit Aliran Ringan) yang serba canggih. Pak Mahat kagum melihat kepesatan bandar itu.

“Kalau awak mahu, saya boleh bawa awak ke tempat yang bagus. Awak dapat melihat bandarnya yang cantik,” kata Jusuh.

“Di mana tu?” Pak Mahat menyoal.

“Shah Alam, bandar ini terkenal sebagai bandar Anggerik. Kebanyakan tempat di sana ditanam pokok bunga Anggerik,” kata Jusuh lagi.

Pak Mahat tidak menolak. Inilah peluangnya untuk melihat keindahan bandar Shah Alam, bukannya dia tidak boleh pergi sendirian. Tapi keadaan dirinya yang cacat, lagipun dia tidak ada perkara mustahak untuk ke sana. Dengan adanya Jusuh dapatlah mereka sama-sama menikmati keindahan tempat itu. Mereka menaiki teksi ke bandar Shah Alam. Sebaik sahaja teksi berhenti di taman tasik yang terletak bersebelahan dengan kompleks PKNS Shah Alam, Pak Mahat terpegun seketika.

“Amboi... bertuah sungguh orang-orang sekarang. Mereka menikmati segala kemudahan. Tidak seperti zaman muda kita,” Pak Mahat melangut sambil merenung ke tengah tasik, melihat beberapa ekor burung undan.

“Zaman kita dah berlalu. Kesengsaraan kita memberi kesenangan dan kebahagiaan anak cucu dan bangsa kita. Tak perlulah kita ungkitkan lagi perkara itu,” tambah Jusuh dengan tenang.

Di situ kelihatan kanak-kanak riang bergembira bersama keluarga masing-masing. Ada yang naik bot yang disediakan di tepi tasik itu. Mereka sungguh gembira. Pak Mahat dan Jusuh hanya tersenyum melihat kehidupan generasi sekarang yang cukup selesa dan mewah. Biar pun kebahagiaan yang mereka peroleh adalah hasil keringat warga tua yang banyak menabur jasa.

“Di sebelah sana tu, kawasan kilang. Kerajaan mempelbagaikan kilang untuk mereka yang mencari pekerjaan, terutamanya golongan belia di kampung. Dengan cara ini masalah pengangguran dapat dikurangkan,” tambah Jusuh lagi.

Pak Mahat mengangguk-angguk. Apabila penat berjalan, terutamanya Pak Mahat yang memakai tongkat, mereka minum di sebuah restoran dalam bangunan PKNS. Di situ

banyak yang dapat dilihatnya. Terdapat deretan kedai yang menjual pelbagai jenis barangan. Orang ramai datang membeli-belah dan berpusu-pusu di kawasan itu.

Tiba-tiba, dua orang gadis mendekati meja mereka sambil mengepit fail. Mereka memperkenalkan diri masing-masing sebagai Hasnah dan Wati, pelajar ITM. Mereka ingin menyiapkan tesis tentang taman rekreasi Shah Alam dan bagaimana pandangan pengunjung yang datang ke situ.

“Minta maaf, tuk, kami nak minta pendapat tuk mengenai keselesaan di Taman Tasik. Adakah pandangan tuk? Adakah patut kerajaan memperindahkannya lagi taman ini? Atau terdapat sebarang kekurangan di kawasan ini untuk dijadikan tempat berehat?” tanya Wati.

Pak Mahat dan Jusuh berpandangan.

“Apa pendapat tuk?” tanya Hasnah pula apabila dilihatnya Pak Mahat dan Jusuh tidak menjawab pertanyaan Wati.

“Pada tuk, semuanya dah cukup lengkap. Dah cukup cantik,” jawab Pak Mahat, ringkas.



“Orang-orang muda macam kamu ni patut bersyukur dapat hidup dalam negara yang maju dan aman begini. Tak macam zaman tuk dulu, segala-galanya susah dan serba kekurangan.”

“Maksud tuk, sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan?” tanya Wati sambil mengerutkan dahinya.

“Ya! Zaman tuk dulu cukup sengsara,” kata Pak Mahat lagi. Air matanya tergenang di kelopak mata bila teringatkan sejarah hitam yang pernah dilalui bersama keluarga dan rakan-rakannya.

Wati dan Hasnah terdiam, membiarkan Pak Mahat mencari ketenangan semula. Mereka sedar, kejayaan Malaysia hari ini adalah hasil keringat warga tua yang banyak berjasa. Sejarah telah membuktikan jasa warga tua bukan sedikit jika dibandingkan dengan harga kehidupan yang mereka nikmati sekarang ini. Terutama sekali pemimpin dan tokoh politik yang banyak menyumbangkan bakti terhadap negara, tokoh-tokoh seperti Allahyarham Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan ramai lagi.

“Sepatutnya orang muda macam anak ini perlu diberi kesedaran supaya mencintai negara seperti mencintai diri sendiri dan keluarga. Jika tidak, tentu saja pemikiran mereka mudah terdorong dengan perkara-perkara tak baik,” kata Pak Mahat lagi. Nada suaranya sayu.

“Perkara itu jangan tuk bimbang, kami sentiasa mencintai negara kami. Kami tahu betapa pentingnya kemerdekaan. Anak-anak bangsa dari pelbagai keturunan hidup bersatu padu untuk membangun sebuah negara yang makmur,” jawab Wati pula.

“Orang muda sekarang patutlah bersyukur dan merenung nasib yang telah menempa rakyat di beberapa buah negara yang kini porak-peranda seperti Bosnia, Korea, Indonesia, Taiwan, Filipina, Palestin, Sri Lanka dan negara-negara lain yang pernah dijajah,” kata Pak Mahat. “Negara-negara yang dulunya maju telah menjadi mundur akibat peperangan yang bukan sahaja menghancurkan harta benda, malah telah mengorbankan banyak nyawa manusia yang tidak berdosa. Ini semua berlaku akibat

campur tangan pihak asing dan berlakunya pepecahan rakyat di negara tersebut.”

Wati dan Hasnah berpandangan. Mereka terpegun dan kagum mendengar keterangan Pak Mahat. Mereka juga mengakui kebenaran kata-kata lelaki tua itu. Selama ini mereka hanya memandang ringan pergolakan politik yang berlaku di dalam dan luar negeri kerana kurangnya minat terhadap perkara tersebut. Kini barulah mereka sedar betapa pentingnya memelihara kedaulatan dan maruah bangsa dan negara tercinta. Peranan tersebut juga kini menjadi tanggungjawab mereka pula sebagai pelapis bagi golongan tua dan kerajaan yang ada sekarang.

“Tengoklah peperangan yang berlaku di Bosnia. Bukankah negara kita merupakan salah sebuah negara yang turut sama membantu mereka? Kerajaan kita menyediakan mereka rumah, pakaian, ubat-ubatan serta makanan sehinggalah negara mereka kembali aman. Mereka kini telah dihantar pulang ke negara mereka. Bantuan kewangan turut dihulurkan dengan cara kutipan derma agar mereka dapat

membangun semula negara mereka yang telah hancur itu," cerita Pak Mahat lagi. Kemudian menambah. "Penderitaan mereka yang kehilangan segala-galanya, terutamanya ahli keluarga cukup menginsafkan kita. Kita sepatutnya bersyukur kerana negara kita, Malaysia aman selepas mencapai kemerdekaan."

"Apa yang patut kami lakukan, tuk?" tanya Hasnah. Dia sekadar ingin menguji tahap pemikiran kedua lelaki tua itu. Sebagai mahasiswa yang mengambil bidang sebaran am, dia cukup terlatih mengenai sejarah perjuangan negara. Tapi pengalaman dan pandangan kedua orang tua itu amat bererti dan berguna untuk artikalnya.

"Kalau kita hendak negara kita kekal aman, kita mestilah bekerjasama membantu kerajaan memelihara negara. Banyak yang boleh kita lakukan," tambah Jusuh yang sedari tadi mendiamkan diri. "Umpamanya memberi kesedaran kepada para remaja mengenai keburukan mengamalkan budaya lepak, bahayanya najis dadah, menjadi bohsia dan bohjan serta mengamalkan pelbagai budaya yang tidak

sesuai untuk kebudayaan negara timur amnya.”

“Kalau sedari kecil kita tidak memberi kesedaran kepada mereka dengan membendung gejala ini, apabila dewasa kelak tentu akhlak mereka akan rosak teruk. Mungkin mereka akan menjadi musuh negara serta merupakan ancaman besar kepada kesejahteraan dan keamanan bangsa kita yang berdaulat ini,” hujah Pak Mahat.

“Benar kata tuk tu. Negara ini aman kerana rakyatnya bersatu padu,” Hasnah pula menyampuk. “Sebab itulah kerajaan mengadakan pelbagai kempen untuk memberi kesedaran kepada semua warganegara, terutama golongan remaja dengan mengadakan program rakan muda dan pelbagai lagi aktiviti yang berfaedah. Tujuannya untuk mengisi masa lapang golongan tersebut supaya tidak terdedah dengan pelbagai gejala sosial yang tidak sihat dan boleh merosakkan masa depan mereka kelak.”


“Syabas! Siswi kita sungguh hebat berceramah!” Pak Mahat menepuk tangan. Dia kagum dengan kebijaksanaan gadis itu.

“Orang terpelajar macam mereka tentulah lebih bijak daripada kita. Mereka menuntut ilmu daripada guru-guru yang berijazah. Bukan macam kita yang hanya berpandukan pengalaman yang tak seberapa ini, Mahat,” kata Jusuh pula.

Pak Mahat mengakui kehebatannya berpidato hanya dengan orang-orang lama yang tidak berpelajaran sepertinya. Jika dia berbahas dengan orang muda yang berpelajaran, tentulah dia kalah. Sekolahun dulu setakat tahun dua sahaja. Dia hanya tahu membaca dan menulis. Itupun dalam tulisan jawi.

“Belajarlah sungguh-sungguh, nak. Guna kanlah segala peluang yang ada ini dengan sebaik mungkin,” kata Pak Mahat akhirnya. “Masa tuk dulu mana ada kemudahan belajar begini. Walaupun tuk bercita-cita tinggi. Maklumlah hidup dalam zaman penjajah.”

Wati dan Hasnah merenung sayu wajah Pak Mahat. Mereka turut kasih bercampur terharu mendengar cerita orang tua itu. Mendengar hujah Pak Mahat tadi, mereka mengakui bahawa orang tua itu bukan calang-



calang orang. Kalau dia berada pada zaman ini, tentulah dia juga tergolong cendekiawan.

“Terima kasih kerana tuk sudi bekerjasama dengan kami. Insyaa-Allah kami akan sematkan segala nasihat tersebut di hati kami. Semoga Allah memberkati hidup tuk di dunia dan di akhirat,” jawab Wati pula.

Selepas berpuas hati menemuramah Pak Mahat dan Jusuh, kedua gadis itupun beredar dari situ. Mereka pergi kepada pengunjung yang lain pula. Apabila melihat kesungguhan kedua gadis itu, Pak Mahat teringat peristiwa penentangan Malayan Union. Ketika itu Dato’ Onn dan orang-orang Melayu mengadakan tunjuk perasaan membantah perasmian Malayan Union.

“Kamu ingat tak, pada tahun berapa Dato’ Onn meninggalkan UMNO?” tanya Pak Mahat tiba-tiba.

Jusuh tersenyum sumbing, entah mengapa pertanyaan Pak Mahat itu mencuit perasaannya. Tapi untuk menjaga hati kawannya itu, dia berfikir juga.

“Kalau tak silap saya dalam tahun 1955,” jawab Jusuh akhirnya.

“Selepas itu Tuanku Abdul Rahman menggantikan tempat Dato’ Onn. Saya dan beberapa orang lagi menjadi penyokong dari belakang, tapi saya tidaklah terkenal seperti mereka. Cukup untuk menambahkan ahli saja,” kata Pak Mahat lagi.

Jusuh terpegun. Kagum dengan kewibawaan Pak Mahat.

“Saya tahu masalah besar yang dihadapi oleh pemimpin masa itu, bukannya senang untuk mencapai matlamat dalam perjuangan,” tambah Pak Mahat lagi.

“Kalau saya ada bersama, tentulah saya akan menjadi penyokong kuat kepada pemimpin kita,” Jusuh kesal kerana dia tidak mengambil apa-apa bahagian masa itu. Sekali-pun peranan itu kecil tapi besar maknanya kepada pemimpin Melayu pada masa itu.

“Itulah pengertian kemerdekaan sebenarnya dalam hidup kita. Biar apapun hakikatnya, kita perlu terus berusaha, berjuang dan menanam semangat jitu dalam jiwa generasi

muda supaya tidak mudah terpedaya dengan kata-kata hasutan daripada pihak yang cuba menghancurkan kemakmuran negara kita,” hujah Pak Mahat lagi.

“Saya sokong kata-kata awak tu. Kalau tidak warga tua yang memberi nasihat dan dorongan, siapa lagi,” sambung Jusuh. “Saya harap anak-anak Malaysia yang merdeka ini akan terus berjaya dan membina kehidupan yang lebih cemerlang, setanding dengan kehidupan masyarakat yang hidup dalam negara maju bertaraf antarabangsa.”

Pak Mahat tersenyum lebar. Jusuh juga seorang yang hebat, biarpun tidak belajar tinggi. Semangatnya cukup kuat. Harapannya agar negara Malaysia akan tetap kekal berdaulat dan merdeka.

